

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menerima sebanyak 4 soalan lisan mengenai program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada sesi Dewan Rakyat kali ini. Sehubungan itu, izinkan saya untuk menjawab kesemua soalan yang diterima memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu mengenai statistik kelulusan, jumlah peruntukan dan mekanisme pelaksanaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah Y.B.Lanang pada 28.10.2014, YB Kulim Bandar Baharu pada 29.10.2014, YB Taiping pada 29.10.2014 dan YB Sarikei pada 27.11.2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Program BR1M merupakan bantuan tahunan yang telah bermula pada

tahun 2012. Setiap tahun, pelbagai langkah penambahbaikan telah dilakukan oleh Kerajaan seperti peningkatan nilai bantuan, penambahan kategori baharu serta pengenalan Skim Khairat Kematian. Secara keseluruhan, pada tahun 2012, seramai 4.2 juta penerima telah menikmati BR1M yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion. Pada tahun 2013 pula, seramai 6.8 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 7 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri bagi BR1M 2014; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 986 ribu atau 14.2% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 563 ribu penerima bantuan RM650, 82 ribu penerima bantuan RM450 dan 341 ribu penerima kategori individu (RM300). Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM442 juta yang melibatkan seramai 848 ribu penerima atau 12.2% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 514 ribu penerima bantuan RM650, 48 ribu penerima bantuan RM450 dan 286

ribu penerima kategori individu (RM300). Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM375 juta yang melibatkan 700 ribu penerima atau 10.1 % daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 462 ribu penerima bantuan RM650, 27 ribu penerima bantuan RM450 dan 210 ribu penerima kategori individu (RM300).

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Bajet 2015, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan nilai BR1M selaras dengan pelaksanaan GST seperti berikut:

- i. bagi isi rumah berpendapatan bulanan tiga ribu ringgit ke bawah, nilai bantuan dinaikkan daripada 650 ringgit kepada 950 ringgit.
- ii. bagi isi rumah berpendapatan bulanan antara tiga ribu hingga empat ribu ringgit, nilai bantuan dinaikkan daripada 450 ringgit kepada 750 ringgit.
- iii. bagi kategori individu bujang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan tidak melebihi dua ribu ringgit sebulan, nilai bantuan

dinaikkan daripada 300 ringgit kepada 350 ringgit.

Dianggarkan kenaikan ini akan memerlukan peruntukan sebanyak 1.4 billion ringgit menjadikan keseluruhan peruntukan BR1M 2015 sebanyak 5.2 bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan dan peningkatan jumlah BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.